

<b>Headline</b>	<b>TNB perlu kekal konsisten</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo Ahad</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Date</b>	<b>28 Aug 2016</b>	<b>Readership</b>	<b>875,000</b>
<b>Circulation</b>	<b>197,202</b>	<b>Page No</b>	<b>61</b>
<b>Section</b>	<b>Sukan</b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>391 cm<sup>2</sup></b>		
<b>PR Value</b>	<b>RM 30,558</b>		



# TNB perlu kekal konsisten

**PASUKAN** Tenaga Nasional Berhad (TNB) mahu mengekalkan rentak cemerlang dalam misi mereka untuk berada dalam kedudukan terbaik pada kempenn Liga Premier Hockey Malaysia (MHL) 2016.

Ketua jurulatih, Muhamad Amin Rahim berharap, barisan pemainnya dapat meneruskan rentak konsisten apabila berhadapan pasukan gergasi, Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) pada saingan Liga Premier hari ini.

Amin menaruh harapan tinggi selepas melihat barisan pemainnya yang rata-ratanya masih muda tampil dengan semangat juang tinggi selepas berjaya memberi saingan kepada juara bertahan, Terengganu Hockey Team (THT) dengan keputusan seri 4-4 kelmarin.

Meskipun sekadar mengutip satu mata dari pada perlawanan tersebut,

but, Amin tetap gembira dengan keputusan itu jika mengambil kira barisan pemain pasukan lawan yang rata-ratanya dibarisi pemain kebangsaan serta tenaga import berkualiti.

"Memang saya berharap barap barisan pemain TNB dapat mengekalkan momentum dan keyakinan tinggi ini untuk berdepan satu lagi pasukan gergasi pada saingan tahun ini."

"Seperti biasa, kami akan meneliti corak permainan lawan menerusi rakaman video. Saya akui, aksi menentang KLHC pasti satu perlawanan yang sukar."

"Apa yang pasti, kami akan merancang satu strategi berbeza apabila menentang KLHC nanti kerana mereka juga mahu kunci tiga mata daripada perlawanan itu," kata Amin.

KLHC sememangnya terdesak untuk meraih tiga mata penuh selepas

sekadar seri 1-1 ketika bertemu Universiti Kuala Lumpur (UniKL) pada perlawanan ketiga.

Dalam perkembangan lain, ketua jurulatih UniKL, Arul Selvaraj mahu anak-anak buahnya meneruskan rentak kemenangan jika mahu terus menjadi pencabar kuat pada saingan musim ini.

UniKL sudah mengecewakan Maybank pada aksi kalah mati untuk merebut Piala Tan Sri P Alagendra minggu lalu dengan keputusan 1-0.

"Walaupun kami berjaya menewaskan Maybank minggu lalu, saya jangkakan cabaran kali ini lebih berbeza."

"Kami perlu memanfaatkan segala peluang sebaik-baiknya," katanya.

PEMAIN TNB meraka kejayaan mereka selepas berjaya mengikat THT pada aksi Liga Premier kelmarin.



LIGA HOKI MALAYSIA  
(LIGA PREMIER)

TNB  
MHL

JADUAL PERLAWANAN

HARI INI

KLHC lwn TNB, 6 ptg  
(Stadium Hoki Jalan Pantai, Bangsar)

Sapura lwn THT, 8 mln  
(Stadium Hoki Tun Razak, Jalan Dutra)

UniKL lwn Maybank, 8 mln  
(Stadium Hoki Jalan Pantai, Bangsar)